

17 AUG 1997

Mahathir - Sabah

KEANGGOTAAN BESAR BUKTI UMNO DITERIMA DI SABAH

KOTA KINABALU, 17 Ogos (Bernama) -- Jumlah keanggotaan Umno Sabah yang kini melebihi 350,000 orang, yang terbanyak berbanding negeri-negeri lain, menunjukkan parti itu semakin diterima masyarakat Bumiputera di negeri ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, sebagai Umno negeri yang termuda, parti itu masih perlu belajar daripada pengalaman Umno pusat yang telah lama wujud.

"Biasanya yang muda belajar dari yang tua dan ini bukan sesuatu yang aneh, tetapi sesuatu yang dianggap semula jadi. Kita belajar daripada orang yang lebih banyak pengalaman, lebih banyak pengetahuan untuk pengajaran," katanya ketika merasmikan Konvensyen Umno Sabah di sini.

Umno mengembangkan sayapnya ke Sabah pada Februari 1991 hanya setelah mendapati kehadirannya di negeri itu menjadi amat penting berikutan beberapa peristiwa politik ketika itu, kata beliau.

"Kita tak payah sebut apa sebab itu, tetapi memandang kepada keadaan hampir darurat ketika itu, kita berpendapat adalah baik jika Umno memecah tradisi untuk ke Sabah," kata Dr Mahathir yang juga Presiden Umno.

Katanya Umno pada mulanya tidak berhajat untuk ke Sabah kerana ketika itu sudah ada parti komponen BN yang mewakili Bumiputera di negeri itu tetapi "memandangkan keadaan, kita terpaksa tubuh Umno di Sabah."

"Ternyata sambutan amat baik dan dengan anggota lebih 350,000 menunjukkan bahawa penduduk Bumiputera Islam dan Bumiputera bukan Islam menyambut baik kehadiran Umno," katanya.

Selepas perasmian konvensyen itu, Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional, mengadakan perjumpaan tertutup dengan pemimpin-pemimpin komponen BN Sabah.

Ketika merasmikan Hotel Promenade di sini selepas perjumpaan dengan pemimpin komponen BN itu, Dr Mahathir berkata ekonomi negara akan terus berkembang pesat selagi wujud kestabilan politik.

Katanya ramai yang iri hati terhadap kepesatan pembangunan negara sehingga ada yang ingin melihat pembangunan itu diperlahankan kerana ekonomi Malaysia dikatakan akan menjadi terlalu cergas.

Perdana Menteri juga mencadangkan agar pengusaha hotel menggandakan usaha ke arah mempertingkatkan mutu layanan kepada pelancong agar industri itu terus berkembang.

"Pandangan bahawa pelancong tidak perlu dilayan baik kerana mereka hanya datang sekali, tidak sepatutnya timbul kerana jika mereka tidak dilayan dengan baik sudah tentu mereka akan memberitahu rakan supaya tidak datang ke sini dan ini merugikan negara," katanya. -- BERNAMA

TM MAI